

05/02/2003

Teluk Sepanggar mampu jadi pusat kargo antarabangsa

Suzianah Jiffar

PELABUHAN Kontena Teluk Sepanggar, dekat Kota Kinabalu, dijangka menjadi peneraju utama pusat kegiatan kargo antarabangsa di timur negara ini apabila beroperasi sepenuhnya kelak.

Pembinaan pelabuhan RM150 juta itu, yang dijangka siap akhir 2005, dianggap penting selaras pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) yang bermula tahun ini.

Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, berkata apabila siap, pelabuhan kontena itu mampu menjadi peneraju pusat kegiatan kargo bukan saja di Sabah, malah timur negara ini.

Berikutan itu, katanya, pelabuhan berkenaan akan dilengkapi kemudahan dan peralatan moden serta canggih bagi memastikan ia mampu bersaing dengan pelabuhan kontena lain serantau.

Berucap merasmikan upacara pecah tanah projek pelabuhan itu baru-baru ini, beliau yakin ia mampu pesat berkembang kerana terletak berhampiran Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP).

"Pelabuhan ini berfungsi penting dalam masa terdekat ini dan dijangka mempertingkatkan aktiviti perdagangan bukan saja di rantau negara ini, malah

Asean dengan pelaksanaan Afta.

"Selain itu, ia mampu meningkatkan peluang ekonomi yang lebih baik. Dengan siapnya pelabuhan itu, ia membuka sempadan baru kepada ekonomi negeri," katanya.

Hadir sama Menteri Pembangunan Infrastruktur, Datuk Yahya Hussin; Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh; dan Pengerusi Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah (LPPS), Datuk Dr Zaki Gusmiah.

Pembinaan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar dilaksanakan oleh LPPS. Apabila siap kelak, ia akan dilengkapi dengan kemudahan serta peralatan moden lagi canggih.

Chong turut menjelaskan bahawa pembinaan pelabuhan kontena itu dapat membantu mengurangkan kesesakan kontena di Pelabuhan Kota Kinabalu yang mengendalikan operasi ketika ini.

Oleh itu, katanya, kerja pembinaan perlu dilakukan segera dan dengan sebaik mungkin.

Ini, katanya, selaras saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-89 baru-baru ini, mengenai pentingnya setiap kerajaan negeri mengamalkan sikap berjimat-cermat.

"Dalam mesyuarat itu, Perdana Menteri mengingatkan semua kerajaan negeri berhati-hati menguruskan perbelanjaan serta berbelanja mengikut bajet yang diberi.

"Selain itu, semua kerajaan negeri juga diminta menumpukan perhatian dalam projek pembangunan yang mampu memberi manfaat serta pulangan

kepada negeri dan rakyat," katanya.

Justeru, beliau berharap kerja pembinaan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sentiasa diselia dan dipantau bagi memastikan ia berjalan lancar mengikut jadual ditetapkan.

Sementara itu, Zaki dalam ucapannya berkata matlamat LPPS adalah untuk turut menyumbang meningkatkan ekonomi negeri dalam industri kargo dan ia dijangka tercapai dengan pembinaan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar.

"LPPS sedar pada masa akan datang pelbagai cabaran dan persaingan dihadapi dari segi pengurusan serta pembangunan dengan pelabuhan yang ada di rantau negara ini," katanya.